

08/04/2003

25 kerusi baru Parlimen, 63 DUN boleh ditandingi

Kadir Dikoh; Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Sebanyak 25 kerusi Parlimen dan 63 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang baru boleh ditandingi pada pilihan raya umum akan datang, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pemangku Perdana Menteri bagaimanapun enggan memberitahu sama ada pilihan raya umum itu diadakan sebelum atau selepas Oktober ini iaitu setelah beliau mengambil alih kepemimpinan negara daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Jangan mengagak-agak. Mengenai pilihan raya, saya tidak ada nak cakap apa pun. Kita tak tahu bila kita nak adakan pilihan raya. Perdana Menteri dah kata, tidak ada pilihan raya sebelum Oktober ini," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian di lobi Parlimen semalam selepas membentangkan usul mengenai laporan kajian semula dan persempadanan bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri bagi negeri Tanah Melayu dan Sabah.

Cadangan usul persempadanan bahagian pilihan raya Parlimen itu membabitkan penambahan 25 kerusi termasuk lima di Sabah, manakala bagi persempadanan bahagian pilihan raya negeri, ia mencadangkan penambahan 63 kerusi DUN termasuk 12 di Sabah.

Tempoh Parlimen dan kerajaan sekarang berakhir pada Disember 2004. Tetapi khabar angin sudah tersebar mengenai kemungkinan pilihan raya umum diadakan selewat-lewatnya April tahun depan dan seawal selepas Oktober ini.

Sebelum ini, Dr Mahathir yang kini bercuti di Jepun pernah menyatakan bahawa Abdullah akan mengetuai Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang, termasuk memilih calon.

Ketika ditanya sama ada benar pilihan raya umum itu akan diadakan selepas Oktober ini, Abdullah sebaliknya berkata: "Oktober 2004 atau Disember 2004, boleh jadi juga."

Bagaimanapun, beliau menolak anggapan sesetengah pihak bahawa pembentangan usul itu dibuat secara tergesa-gesa supaya boleh digunakan pada pilihan raya umum akan datang.

Abdullah turut menolak dakwaan pembangkang ketika membahaskan usul itu di Parlimen semalam yang mempersoalkan kriteria digunakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi kerja persempadanan semula kawasan dan menuduh wujud unsur politik kerana Terengganu misalnya tidak diberi kerusi tambahan.

Katanya, SPR menggunakan kriteria yang sudah ditetapkan dalam membuat urusan itu bagi mana-mana negeri dan menjalankan tugas itu dengan baik, beramanah dan tanpa menyembunyikan fakta.

"Tetapi memanglah bila-bila pun pembangkang akan sentiasa mencari sebab untuk nak menyatakan mereka tak senang hati. Lepas ini mungkin pula akan ada pihak pembangkang atau BN juga akan bangun (membahas) menyatakan itu tak puas hati dan ini tak puas hati.

"Tetapi itulah kebebasan yang ada dalam Parlimen. Sesiapa pun boleh bercakap. Yang penting SPR sudah menjalankan satu kerja yang baik, beramanah dan kriteria yang digunakan tanpa bersembunyi. Mereka (SPR) berterus terang, terbuka dan menggunakan kriteria," katanya.

Terdahulu ketika membentangkan usul itu, Abdullah berkata Terengganu hanya akan mengalami perubahan sempadan bahagian pilihan raya, dan kekal dengan lapan kawasan Parlimen dan 32 kawasan DUN.

Sarawak, yang tidak terbabit dengan persempadanan kali ini, kini

mempunyai 28 kerusi Parlimen dan 62 kerusi negeri.

"SPR berdasarkan kepada kriteria dan panduan tertentu, mendapati adalah perlu mengubahsuaikan sempadan bahagian pilihan raya bagi seluruh Terengganu supaya taburan pemilih menjadi seimbang dan rakyat mendapat perwakilan yang lebih adil," katanya.

Beliau berkata, SPR bertanggungjawab untuk mengkaji semula persempadanan seluruh bahagian pilihan raya pada tempoh tidak kurang daripada lapan tahun. Kali terakhir kajian semula persempadanan kawasan pilihan raya dilakukan ialah pada 1994.

Abdullah berkata penambahan kerusi di Semenanjung dan Sabah adalah sesuai dengan kemajuan negara dan perkembangan sosio ekonomi sejak lapan tahun lalu serta juga peningkatan penduduk dan bilangan pemilih.

Katanya, perubahan sempadan bahagian pilihan raya yang tidak mendapat kerusi Parlimen atau negeri pula perlu dibuat bersesuaian dengan pembangunan infrastruktur dan perubahan muka bumi atau penempatan penduduk di seluruh Semenanjung.

"Penambahan dan perubahan kawasan pilihan raya Parlimen dan Negeri sebagaimana yang disyorkan, akan memberikan peluang kepada rakyat untuk mendapat perwakilan yang lebih adil dan berkesan," katanya.

Berdasarkan Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan, SPR mengesyorkan tambahan enam kerusi Parlimen bagi Johor; lima (Selangor); tiga (Pahang); dua (Pulau Pinang) masing-masing satu bagi Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Negeri Sembilan; Melaka dan lima kerusi Parlimen bagi Sabah.

Dengan pertambahan berkenaan, bilangan kerusi Parlimen bagi seluruh negara akan bertambah kepada 219 kerusi daripada 194 sekarang.

Bagi kerusi DUN, tambahan kerusi yang disyorkan ialah dua untuk Kelantan; tujuh (Pulau Pinang); tujuh (Perak); empat (Pahang); lapan (Selangor); empat (Negeri Sembilan); tiga (Melaka); 16 (Johor) dan 12 kerusi untuk Sabah.

Cadangan tambahan kerusi itu akan menjadikan kerusi DUN di seluruh negara bertambah daripada 442 kerusi kepada 505 kerusi.